*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 24 JANUARI 2019

1. Belai 80 ‘anak’ ; Harian Metro
2. Cuple fork out RM100 a day for strays; News Straits Times

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ☑ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAITS TIMES | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN : Setempat** | **M/SURAT:** 6 | **RUANGAN :** | |

**PERKARA**

| | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☐ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☐ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☐ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ☑ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

**TARIKH**

**24 Januari 2019**



6 setempat 24-01-2019

3kg »Jumlah ikan dibeli setiap hari untuk hidangan kucing

HARIAN METRO

# Belai 80 'anak'

■ *Pasangan suami isteri belanja RM100 sehari beli makanan kucing jalanan*

Zuliaty Zulkiffli
cnews@nstp.com.my

Alor Setar

Sepasang suami isteri sanggup mengeluarkan belanja RM100 sehari bagi memberi makan hampir 80 kucing yang dianggap seperti anak.

Rosli Ismail, 47, dan isteri, Mariam Roin, 47, yang juga peniaga buah di pelantar ikan Kubang Rotan, Kuala Kedah berkata, mereka bangun seawal jam 6 pagi setiap hari untuk membeli tiga kilogram ikan sebagai hidangan kucing mereka.

Katanya, sebahagian daripada ikan itu direbus untuk dinikmati 30 anak kucing yang dibela di rumah di Alor Janggus, manakala sebahagian lagi dibawa ke tempat berniaga.

"Saya minta kedai makan berdekatan goreng ikan itu sebelum digaul bersama dua kilogram nasi untuk hidangan 30 kucing jalanan di pelantar Kubang Rotan dan 20 kucing jalanan di pelantar Seberang Kota.

"Kami juga beri susu dan makanan kucing dalam peket terutama untuk anak kucing kelaparan," katanya.

Rosli berkata, beliau dan isteri menjaga semua kucing jalanan sejak dua tahun lalu, kerana simpati terhadap nasib haiwan itu.

"Saya nekad memberi semua anak kucing di kawasan pelantar makanan setiap hari termasuk membawa pulang anak kucing sakit.

"Saya tak boleh tengok anak kucing dihalau atau dipukul, malah saya rasa haiwan itu seperti anak saya," katanya.

Kisah suami isteri yang memberi makanan kepada kucing jalanan itu tular di laman sosial sejak Isnin lalu dan ramai netizen memuji tindakan mereka.

Bagi Mariam pula, jika ada rezeki mereka bercadang membuka hotel untuk memudahkan pemilik kucing meninggalkan haiwan peliharaan mereka jika ada urusan di luar daerah.

"Kucing paling manja adalah si hitam yang namanya Mael dan apabila dipanggil ia segera datang. Ramai peniaga mesra dan sayang padanya.

"Saya tidak kisah berapa banyak dibelanjakan untuk kucing kerana sepanjang kami memberi makanan kepada haiwan, rezeki kami tidak pernah putus," katanya.

"Sepanjang kami beri makan kepada haiwan, rezeki kami tak pernah putus" Mariam

ROSLI dan Mariam melayan sambil memberi makan kucing berhampiran gerai mereka di Pelantar Ikan Kubang Rotan.

SELAIN makanan, Rosli memberi anak kucing minum susu.

ROSLI melayan kucing dipelihara di rumahnya di Kampung Alor Janggus.

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| [ ] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL | [ ] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL |
| [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR | [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR |
| [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO | [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO |
| [ ] HARIAN METRO | [x] NEW STRAITS TIMES | [ ] HARIAN METRO | [ ] NEW STRAIT TIME |
| [ ] THE SUN | [ ] SUNDAY STAR | [ ] THE SUN | |
| **RUANGAN : News** | **M/SURAT:** 66 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| [ ] DASAR JABATAN | [ ] IMPORT EKSPORT | [ ] SISTEM KUALITI | [ ] PELBAGAI |
| [ ] KESIHATAN AWAM | [ ] KAWALAN PENYAKIT | [ ] PENGUATKUASAAN | |
| [x] KEBAJIKAN HAIWAN | [ ] TEKNOLOGI VETERINAR | [ ] ADUAN | |

**TARIKH**

**24 Januari 2019**

FELINE LOVERS

# Couple fork out RM100 a day for strays



*Rosli Ismail and his wife, Mariam Roin, feeding stray cats in Kubang Rotan, Alor Star, yesterday.* PIC BY AMRAN HAMID

**ALOR STAR:** A couple here have been spending an average of RM100 daily feeding stray cats.

Rosli Ismail, 47, and his wife, Mariam Roin, 47, who are fruit sellers in Kubang Rotan, Kuala Kedah, said they woke up early to buy about 3kg of fish and milk to feed the cats and kittens.

He said they had 30 kittens of their own in their house in Alor Janggus here.

"Once we get the fish and milk, we make our rounds in the Kubang Rotan and Seberang Kota areas to feed the cats."

He said this had become a routine for him and his wife after they took pity on some stray cats two years ago.

He said they set aside a portion of their daily income to feed the strays.

"We have adopted some of the cats, especially the sickly ones, which we took home and nursed them back to health."

Mariam said she hoped to open a "cat hotel" one day to cater for feline lovers looking to board their pets.

On how feeding cats had affected their finances, she said she and her husband were thankful that their income had actually increased since they started doing so.

"I don't care about the money we have spent and continue to spend to feed the cats. We will continue doing this as long as we are able to do so."